

SIARAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
28 Ogos 2018**

**ASNB ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 6.00 SEN SEUNIT
UNTUK ASW 2020**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2018.
- Lebih 870,000 pemegang unit ASW 2020 akan menerima 6.00 sen seunit, dengan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.18 bilion.
- Semua urusan niaga untuk ASW 2020 ditangguhkan mulai 30 Ogos 2018 sehingga 1 September 2018 untuk pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB www.myasnb.com.my atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara mulai 2 September 2018.

Kuala Lumpur, 28 Ogos 2018: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan 6.00 sen seunit untuk dana harga tetap Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2018.

ASW 2020 akan membayar sebanyak RM1.18 bilion sebagai pengagihan pendapatan kepada lebih 870,000 pemegang unit yang kini memiliki 19.6 bilion unit. Dilancarkan pada tahun 1996, ASW 2020 ialah dana harga tetap yang menawarkan peluang pelaburan dengan memberi kadar pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit menerusi pelaburan dalam portfolio terpilih yang terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan. Setakat 31 Julai 2018, ASW 2020 merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM1.179 bilion bagi 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, "Walaupun dalam keadaan pasaran yang mencabar sepanjang tahun kewangan tabung, PNB menerusi operasi unit amanah ASNB telah berupaya untuk memberikan pulangan yang baik dan berdaya saing kepada pemegang unit tabung ASW 2020. PNB berpegang teguh kepada komitmen dan mandat untuk mempertingkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan rakyat Malaysia menerusi pelaburan yang menjana pulangan mampan."

Secara keseluruhan, faktor-faktor seperti situasi geopolitik, ekonomi dan pasaran kewangan global telah banyak mempengaruhi pergerakan pasaran saham tempatan. Sepanjang tempoh 11 bulan pertama tahun kewangan ASW 2020, FBM KLCI hanya mencatat pertumbuhan sebanyak 0.6%, iaitu dari 1,773.2 mata pada 31 Ogos 2017 kepada 1,784.3 mata pada 31 Julai 2018.

Tambah beliau lagi, “Setakat 31 Julai 2018, ASW 2020 memperoleh jumlah pendapatan kasar sebanyak RM1.398 bilion, dengan keuntungan daripada penjualan saham menyumbang sebanyak RM718.76 juta atau 51.4%, manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat tersenarai dan tidak tersenarai pula menyumbang sebanyak RM468.50 juta atau 33.5% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut. Selebihnya RM210.80 juta atau 15.1% diperoleh daripada pelaburan dalam sukuk/deposit tetap Islamik serta pendapatan berfaedah.”

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASW 2020 adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan tabung tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2018.

Para pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB myasnb.com.my atau di semua pejabat/ejen ASNB seluruh negara mulai 2 September 2018. Semua urusan niaga untuk ASW 2020 telah ditangguhkan mulai 30 Ogos 2018 hingga 1 September 2018 untuk pengiraan pengagihan pendapatan.

- TAMAT -

NOTIS PENTING KEPADA PEMEGANG UNIT

- Mulai 31 Mac 2018, penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan laporan interim bagi dana harga berubah akan dihantar melalui kaedah elektronik.
- Penyata pengagihan pendapatan dihantar ke alamat e-mel yang didaftarkan oleh pemegang unit, manakala laporan boleh didapati di laman web ASNB: www.asnb.com.my.
- Pemegang unit dan peniaga yang berdaftar digalakkan untuk mengemas kini butiran mereka di semua Cawangan atau Ejen ASNB seluruh negara. Mereka yang masih ingin menerima salinan bertulis secara fizikal boleh memaklumkan ASNB dengan mengisi borang yang berkenaan yang boleh dimuat turun di laman web ASNB.
- Untuk maklumat lanjut, pemegang unit boleh merujuk kepada www.asnb.com.my atau hubungi Talian Hotline ASNB di 03-2057 3000.

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM280 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB kini mempunyai sejumlah 12 Dana dengan Unit dalam Edaran berjumlah lebih 229 bilion serta 13.5 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari www.asnb.com.my.

Mengenai ASW 2020

ASW 2020 merupakan dana ekuiti berharga tetap yang bertujuan memberi kadar pulangan berpatutan kepada pemegang unit menerusi pelaburan dalam portfolio terpilih yang terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan. 51% daripada saiz dana yang dibenarkan dibuka kepada pelabur Bumiputera, manakala 49% lagi dibuka kepada pelabur Malaysia yang layak.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. *Aimi Aziz, Naib Presiden, Jabatan Komunikasi* | aimiaziz@pnb.com.my | 03-2050 5327
2. *Natalia Ghani, acorn communications* | natalia@acornco.com.my | 012-231 4782